

GELOMBANG PERTAMA NSRF

DI MALAYSIA



Gelombang pertama pelaporan kemampanan berdasarkan Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan (National Sustainability Reporting Framework, NSRF) menunjukkan kemajuan yang ketara, namun beberapa cabaran mula terserlah.

MALAYSIA DAN GELOMBANG PERTAMA NSRF: DARIPADA PELAPORAN KEPADA KEPUTUSAN SEBENAR

Selama bertahun-tahun, pelaporan kemampanan seolah-olah berada di luar naratif kewangan sesebuah syarikat. Laporan tahunan menerangkan tentang pendapatan, keuntungan, aliran tunai dan perbelanjaan modal, manakala laporan kemampanan pula membincangkan tentang pelepasan sisa, risiko iklim, inisiatif alam sekitar serta aspirasi kemampanan jangka panjang. Kedua-dua aspek ini sering dibincangkan secara berasingan, walaupun isu yang mendasarinya semakin saling berkait.

Penerapan Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan (National Sustainability Reporting Framework, NSRF) di Malaysia mengubah keadaan ini dengan ketara. Maklumat yang berkaitan dengan kemampanan tidak lagi sepatutnya berdiri sendiri dan terpisah daripada pelaporan korporat arus perdana. Sebaliknya, maklumat tersebut perlu membantu pelabur memahami bagaimana risiko dan peluang yang berkaitan dengan kemampanan boleh mempengaruhi strategi, model perniagaan, kedudukan kewangan, prestasi dan aliran tunai masa hadapan sesebuah syarikat.

Oleh itu, kitaran pelaporan mandatori yang pertama ini lebih daripada sekadar satu lagi keperluan pendedahan. Ia menandakan permulaan pendekatan baharu terhadap pelaporan korporat, yang menyaksikan kemampanan, prestasi kewangan, strategi dan tadbir urus semakin dilihat sebagai aspek yang saling berkaitan.

Dalam konteks ini, MSWG dan Climate Governance Malaysia (CGM) bersama-sama meneliti pendedahan yang berkaitan dengan kemampanan untuk 91 penerbit tersenarai Kumpulan 1 yang mempunyai tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2025. Penilaian ini meliputi laporan tahunan, laporan bersepadu, laporan kemampanan dan laporan tadbir urus korporat, dengan tumpuan kepada kualiti, kesempurnaan dan sejauh mana maklumat yang didedahkan dapat membantu pelabur membuat keputusan.

Penting untuk ditekankan bahawa kajian ini bukanlah bertujuan menentukan sama ada syarikat yang dikaji mematuhi atau tidak mematuhi IFRS S1 atau IFRS S2, dan bukan juga penilaian terhadap prestasi kemampanan sebenar syarikat. Sebaliknya, kajian ini memberikan gambaran awal tentang kemajuan yang telah dicapai oleh syarikat-syarikat di Malaysia serta aspek pelaporan yang masih perlu diperkukuh.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat kemajuan yang ketara, tetapi pada masa yang sama mendedahkan di mana cabaran sebenar bermula.



Risiko Sudah Dikenal Pasti. Bagaimana dengan Kesan Kewangan?

Secara umum, syarikat kini lebih mengenal pasti risiko berkaitan iklim, menetapkan tanggungjawab tadbir urus serta menerangkan proses pengurusan risiko. Namun, aspek yang lebih mencabar ialah mengukur kesan kewangan, menghubungkan pertimbangan berkaitan iklim dengan keputusan Lembaga Pengarah dan seterusnya menunjukkan hasil yang boleh diukur.

Satu dapatan menggambarkan perkara ini dengan jelas. Sebanyak 96% syarikat yang dinilai mengenal pasti risiko dan peluang berkaitan iklim yang relevan, manakala kesemuanya menerangkan potensi kesannya terhadap model perniagaan. Bagaimanapun, hanya 36% mendedahkan kesan yang dijangka terhadap prestasi kewangan dan aliran tunai, sementara 32% menjelaskan perubahan yang dijangka terhadap kedudukan kewangan. Untuk kesan iklim yang tidak dapat diukur secara berasingan, hanya 7% memberikan anggaran kuantitatif secara gabungan.

Secara ringkasnya, syarikat semakin mampu memaklumkan pelabur apakah risikonya, tetapi banyak lagi syarikat yang masih membangunkan keupayaan untuk menjelaskan betapa besarnya kos yang mungkin ditanggung akibat risiko tersebut.

Bayangkan sebuah syarikat mengenal pasti banjir sebagai risiko iklim yang material. Ini sememangnya memberikan maklumat penting kepada pemegang saham, tetapi ia secara semula jadi menimbulkan persoalan lanjut. Apakah aset syarikat yang terdedah kepada risiko tersebut? Sejauh manakah pentingnya aset berkenaan? Berapakah perbelanjaan tambahan yang mungkin diperlukan untuk melindunginya? Apakah yang berlaku kepada pendapatan, keuntungan atau aliran tunai sekiranya berlaku kejadian besar?

Begitu juga dengan risiko peralihan. Sebuah syarikat mungkin mengenal pasti penetapan harga karbon atau perubahan dasar tenaga sebagai risiko yang berpotensi, tetapi pemegang saham juga perlu memahami sejauh mana pendedahan kewangan syarikat tersebut serta bagaimanakah pihak pengurusan bercadang untuk menanganinya.

Jika tidak dikaitkan dengan kesan kewangan, pelabur sukar menilai tahap kematangan sesuatu risiko, membuat perbandingan antara syarikat atau menentukan sama ada tindakan pihak pengurusan adalah setimpal dengan risiko yang dihadapi.

Ini tidak bermakna setiap risiko yang berkaitan dengan iklim perlu diterjemahkan serta-merta kepada satu angka yang tepat. Syarikat boleh menggunakan julat anggaran, analisis sensitiviti, peratusan aset yang terdedah atau anggaran berasaskan senario. Jika pengukuran secara kuantitatif belum dapat dilakukan, syarikat boleh menyediakan maklumat yang berguna dengan memberikan penerangan tentang sebabnya, berserta dengan langkah yang akan diambil bagi memperbaiki penilaian pada masa hadapan.

Namun, hala tujuanya jelas. Risiko kemampanan perlu lebih dikaitkan dengan kesan kewangan yang penting kepada pelabur.

Apakah Peranan dan Keputusan Lembaga Pengarah Dalam Hal Ini?

Dapatan yang berkaitan dengan tadbir urus menunjukkan gambaran yang hampir sama. Struktur tadbir urus secara umumnya sudah jelas. Kesemua syarikat yang dinilai dapat mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab terhadap pengawasan isu iklim, manakala hampir kesemua syarikat menerangkan peranan pihak pengurusan dalam menyokong fungsi pengawasan tersebut. Ini merupakan asas yang penting. Namun, mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab tidak sama dengan menunjukkan hasil daripada tanggungjawab tersebut.

Hanya 33% syarikat mendedahkan sama ada badan tadbir urus yang bertanggungjawab telah mempertimbangkan pertukaran kepentingan (trade-offs) yang berkaitan dengan risiko dan peluang iklim, manakala hanya 19% mengukur secara kuantitatif hubungan antara prestasi yang berkaitan dengan iklim dengan imbuhan.

Dari sudut pandang pemegang saham, perbezaan ini penting.

Sebuah syarikat mungkin mendedahkan bahawa Lembaga Pengarah mereka memantau hal-hal berkaitan kemampanan, dengan sokongan jawatankuasa kemampanan dan kumpulan kerja pihak pengurusan. Maklumat sebegini memberitahu pemegang saham pihak yang menggalas tanggungjawab tersebut, tetapi tidak banyak menjelaskan sama ada pertimbangan yang berkaitan dengan iklim benar-benar mempengaruhi strategi, keputusan pelaburan, peruntukan modal atau kesediaan syarikat menanggung risiko.

Persoalan yang lebih bermakna ialah apakah yang berlaku selepas Lembaga Pengarah mempertimbangkan isu tersebut? Adakah Lembaga Pengarah meluluskan perbelanjaan tambahan bagi meningkatkan daya tahan aset penting? Adakah mereka menilai semula sesuatu pelaburan kerana daya maju ekonominya berubah di bawah senario iklim yang berbeza? Adakah situasi ini mengubah kesediaan syarikat menanggung risiko, menyemak semula strateginya atau menyelaraskan insentif pihak pengurusan? Tadbir urus menjadi lebih bermakna apabila pemegang saham dapat melihat kaitan antara fungsi pengawasan dengan tindakan dan keputusan yang dibuat.

Apabila Proses Mendahului Maklumat

Kitaran pelaporan pertama ini turut menyerlahkan ketidakseimbangan yang menarik antara proses dengan maklumat. Pengurusan risiko mencatatkan pencapaian tertinggi dalam tema utama pelaporan, iaitu 73.8%, manakala metrik dan sasaran mencatatkan pencapaian terendah, iaitu 44.5%. Ini menunjukkan bahawa syarikat nampaknya telah mencapai lebih banyak kemajuan dalam menerangkan cara mereka mengenal pasti dan mengurus risiko iklim berbanding dengan membangunkan metrik, sasaran serta data yang diperlukan bagi mengukur pendedahan dan prestasi.

Keadaan ini boleh difahami. Mewujudkan proses tadbir urus atau pengurusan risiko mungkin lebih mudah berbanding dengan membina pangkalan data yang boleh dipercayai merentasi seluruh organisasi dan rangkaian nilainya. Menentukan risiko fizikal, pendedahan kepada risiko peralihan, pelepasan bahan Skop 3 dan kesan kewangan memerlukan metodologi, andaian, kawalan dalaman serta penyelarasan antara fungsi kewangan, risiko, kemampanan dan operasi.

Namun begitu, secanggih mana pun proses pengurusan risiko, nilainya tetap terhad jika pada akhirnya tidak dapat menghasilkan maklumat yang dapat menyokong proses membuat keputusan.

Pelabur perlu memahami skala sesuatu pendedahan, sumber yang diperuntukkan untuk menguruskannya dan sama ada tindakan yang diambil menghasilkan keputusan yang boleh diukur. Oleh itu, langkah seterusnya bukan sekadar memperkenalkan lebih banyak indikator, tetapi membangunkan ukuran yang boleh dipercayai, yang menghubungkan risiko iklim dengan pendedahan perniagaan, peruntukan modal dan hasil yang dicapai.

Laporan Yang Tebal Tidak Semestinya Bermakna Pelaporan Yang Lebih Baik

Terdapat juga perbezaan yang ketara dalam kalangan 91 syarikat yang dinilai. Keputusan yang disahkan adalah antara 2.0% hingga 83.0%, menunjukkan bahawa syarikat berada pada tahap kematangan pelaporan yang sangat berbeza ketika memasuki kitaran pertama NSRF. Menariknya, perbezaan ini tidak boleh dijelaskan semata-mata berdasarkan saiz syarikat atau panjang laporan.

Ini merupakan pengajaran yang penting. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, laporan kemampanan menjadi semakin panjang dan lebih kompleks. Syarikat mungkin mendedahkan pelbagai dasar, rangka kerja, inisiatif dan indikator, tetapi lambakan maklumat seperti ini tidak semestinya menjadikannya lebih berguna kepada pelabur.

Laporan yang panjang boleh menyebabkan pemegang saham tertanya-tanya apakah perkara yang material dari segi kewangan, apakah tindakan pihak pengurusan terhadap perkara tersebut dan sama ada tindakan itu membuahkan hasil. Maklumat juga mungkin berselerak dalam laporan tahunan, laporan kemampanan, laporan tadbir urus korporat dan pendedahan dalam talian, sehingga menyukarkan pelabur mendapatkan gambaran yang lengkap. Oleh itu, matlamatnya bukan sekadar lebih banyak pendedahan, tetapi pendedahan yang lebih saling berkait.

Sesebuah syarikat mungkin memenuhi pelbagai keperluan pendedahan secara berasingan, tetapi jika pelabur tidak dapat mengaitkan risiko kemampanan dengan strategi, kesan kewangan, metrik, sasaran dan akhir sekali, penyata kewangan, maklumat tersebut masih belum benar-benar membantu dalam membuat keputusan.

Perbincangan dalam Mesyuarat Agung Juga Perlu Berubah

Apabila pelaporan kemampan semakin berkait rapat dengan pelaporan kewangan, pemegang saham juga perlu mengubah pendekatan terhadap soalan yang diajukan oleh mereka dalam mesyuarat agung. Pemegang saham minoriti perlu meneliti bagaimana risiko yang berkaitan kemampan memberi kesan dari segi kewangan kepada syarikat, bagaimana Lembaga Pengarah menangani risiko tersebut dan sama ada pihak pengurusan dapat menunjukkan hasil yang boleh diukur. Antara soalan yang boleh dipertimbangkan oleh pemegang saham termasuklah:

- 1) Apakah risiko berkaitan iklim yang paling material dari segi kewangan yang dihadapi oleh syarikat dan apakah kesannya terhadap pendapatan, kos, aset, aliran tunai dan keuntungan dalam jangka pendek, sederhana dan panjang?
- 2) Berapakah jumlah modal yang telah diperuntukkan atau dijangka akan diperuntukkan oleh syarikat bagi menangani risiko berkaitan iklim yang material ini dan bagaimanakah Lembaga Pengarah menentukan sama ada tahap pelaburan tersebut sudah mencukupi?
- 3) Apakah keputusan penting yang telah dibuat oleh Lembaga Pengarah sepanjang tahun hasil daripada pengawasan terhadap risiko dan peluang berkaitan iklim?
- 4) Apakah sasaran yang boleh diukur yang telah ditetapkan oleh syarikat untuk risiko berkaitan iklim yang material dan bagaimanakah Lembaga Pengarah memantau pihak pengurusan dalam usaha mencapai sasaran tersebut?
- 5) Apakah maklumat kewangan berkaitan iklim yang material yang masih belum dapat diukur oleh syarikat pada masa ini? Mengapakah ia tidak dapat diukur dan bilakah Lembaga Pengarah menjangkakan maklumat tersebut akan tersedia?

Soalan seumpama ini membawa semula perbincangan mengenai kemampan kepada perkara yang penting kepada pemegang saham iaitu risiko, peruntukan modal, prestasi kewangan, akauntabiliti dan nilai pemegang saham untuk jangka panjang.

Kitaran Pertama Adalah Permulaan, Bukan Pengakhiran

Kitaran pertama pelaporan NSRF secara mandatori di Malaysia telah meletakkan asas yang penting. Syarikat kini sudah mengenal pasti risiko iklim, mewujudkan struktur tadbir urus dan membangunkan sistem yang diperlukan bagi menyokong pelaporan kewangan yang berkaitan dengan kemampan.

Bagaimanapun, mempunyai struktur dan sistem tersebut tidak sama dengan menghasilkan pelaporan yang benar-benar bermakna. Laporan kemampan yang lebih panjang juga tidak menjadikan sesebuah syarikat lebih mampan dan mengenal pasti sesuatu risiko tidak bermakna risiko tersebut telah diurus dengan berkesan.

Cabaran seterusnya lebih besar. Lembaga Pengarah perlu menunjukkan bagaimana kesemua risiko ini mempengaruhi strategi, peruntukan modal dan hasil kewangan, manakala pihak pengurusan pula perlu menghasilkan maklumat yang benar-benar boleh digunakan oleh pelabur.

Pada akhirnya, NSRF tidak seharusnya menjadi satu lagi pelaksanaan pelaporan yang diukur berdasarkan jumlah halaman, dasar dan janji. Nilainya akan ditentukan berdasarkan sama ada pendedahan yang lebih baik membawa kepada keputusan yang lebih bernas, akauntabiliti yang lebih kukuh serta perlindungan yang lebih baik terhadap nilai pemegang saham dalam jangka panjang.

[TAMAT]



16 CPD HOURS **IN-PERSON SESSION** **HRD CLAIMABLE**

ENTERPRISE RISK MANAGEMENT (ERM)

Building Organisational Resilience through Structured Risk Oversight

21 & 22 SEPTEMBER 2026
MONDAY & TUESDAY
9.00 AM - 5.00 PM

THE MAJESTIC HOTEL, KUALA LUMPUR



Scan the QR Code for more details



[mswg.org.my](https://www.mswg.org.my) @MSWGMalaysia



8 CPD HOURS **IN-PERSON SESSION** **HRD CLAIMABLE**

AML/CFT GOVERNANCE AND BOARD OVERSIGHT

Understanding Risk, Regulatory Expectations, and Leadership Accountability

24 SEPTEMBER 2026
THURSDAY
9.00 AM - 5.00 PM

AICB CENTRE OF EXCELLENCE, KUALA LUMPUR



Scan the QR Code for more details



[mswg.org.my](https://www.mswg.org.my) @MSWGMalaysia



The Institute of Internal Auditors Malaysia

IAMNC 2026

NATIONAL CONFERENCE

**DESIGN Resilience
BUILD Trust
LEAD the Future**

21 & 22 SEPTEMBER 2026 | KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE



Supporting Partner: MSWG

CGI GLOBAL GOVERNANCE SUMMIT 2026

Organised in conjunction with the MAICSA Annual Conference

KLCC CONVENTION CENTRE KUALA LUMPUR, MALAYSIA
22 & 23 SEPTEMBER 2026

REGISTER NOW!



SCAN ME

18 CPD HOURS (Physical) **16 CPD HOURS (Virtual)** **HRD CLAIMABLE**

www.maicsa.org.my
www.cgi-global.org
[@MAICSA](https://www.facebook.com/maicsa)
conference@maicsa.org.my



CORPORATE MEETINGS
by Envia

An MSWG Corporate Subscribers'

Exclusive Invitation



PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas bergantung kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.